

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, TERENGGANU
(BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN)


OLEH
SHARIFAH NORHILDA BT SYED HUSIN
UK6261
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEMITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2003

1100033062

LI 22 FPE 1 2003



1100033062


Laporan akhir latihan industri di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Bahagian Kerajaan Tempatan) / Sharifah Norhilda Syed Husin.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100033062

Lihat sebelah



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
TERENGGANU
(BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN)
KUALA TERENGGANU**

DISEDIAKAN OLEH:

SHARIFAH NORHILDA BT SYED HUSIN
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2003

1100033062

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **Sharifah Norhilda Binti Syed Husin UK 6261** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: Sharifah Norhilda Binti Syed Husin

Tarikh: 9 Oktober 2003

Disahkan Oleh:

Penyelia KUSTEM
b / p Pengurus Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM

Teristimewa untuk Ayahanda dan Bonda yang tercinta:

Syed Husin Bin S. A Rahman

Engku Khatijah Binti Engku Shariff

Buat adinda tersayang:

Syed Abd Rahman Fahmi

Syed Alwi Rezi

Syed Khairul Fitri

Syed Ali Imran

Sharifah NurFathihah

Sharifah Nurul Nadia

Terima kasih di atas segala pengorbanan dan dorongan yang diberikan

selama ini.....

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia-Nya dan keberkatan- Nya dapat saya menyiapkan laporan latihan industri di Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Terengganu. Pelbagai rintangan dan dugaan yang dihadapi tetapi dengan berkat doa dan semangat dapat jua saya menyiapkan laporan ini.

Ucapan ribuan terima kasih diucapkan buat Penyelaras Program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial iaitu Cik Norhayati Sa'at dan juga Professor Madya Salleh Bin Lebar selaku Penyelia KUSTEM bagi latihan industri ini. Segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan merupakan sesuatu yang amat berharga dan tidak akan dapat dilupakan. Sekalung terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Ekologi Sosial yang telah sudi mencerahkan ilmu sepanjang pengajian saya di KUSTEM.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia industri Tuan Haji Ab Manan Bin Haji Hasan (Penolong Setiausaha Kerajaan, Bahagian Kerajaan Tempatan) dan semua kakitangan Bahagian Kerajaan Tempatan yang telah sudi memberikan kerjasama kepada saya dalam menjalani latihan industri ini. Segala budi dan tunjuk ajar dari pihak Tuan Haji Ab Manan Bin Haji Hasan (Penolong Setiausaha Kerajaan, Bahagian Kerajaan Tempatan) dan kakitangan Kerajaan Tempatan Negeri Terengganu tidak akan dilupakan dan hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya. Terima kasih di atas segalanya.

Sejambak kasih, sekalung bunga buat yang teristimewa buat Hamidah, Suzita, Chai Seng Howe, Najihah, Norshida, Masliza, Suhana, Dewi Marmizatul, Roziah, Wan Haslinda, Che Ismadiana dan lain-lain kerana sudi memberi nasihat dan tunjuk ajar. Semoga ikatan persahabatan kekal hingga akhir hayat.

Akhir kata kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung “hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa”.

Sekian terima kasih,

Sharifah Norhilda Bt Syed Husin
Sarjana Muda Pengurusan Polisi Dan
Sekitaran Sosial.
2003

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	iv
SENARAI RAJAH	iv
SENARAI SINGKATAN	v
RINGKASAN EKSEKUTIF	vi
BAB 1 LATARBELAKANG ORGANISASI	
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Sejarah Ringkas Organisasi	5
1.1.2 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]	6
1.1.3 Pemakaian Akta 171	7
1.1.4 Pendekatan Untuk Memajukan Organisasi	7
1.1.5 Objektif Bahagian Kerajaan Tempatan	8
1.1.6 Visi dan Misi	8
1.1.7 Motto	9
1.1.8 Nilai Teras	9
1.1.9 Piagam Pelanggan	10
1.2 Pengorganisasian	
1.2.1: Definisi dan Kepentingan	10
1.2.2 Proses Pengorganisasian	11

1.3	Maklumat Organisasi	
1.3.1	Alamat Organisasi	14
1.4	Carta Organisasi	
1.4.1	Carta Organisasi Bahagian Kerajaan Tempatan Terengganu	14
1.4.2	Struktur Organisasi Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Terengganu	16
1.4.3	Senarai Tugas	18
1.5	Aktiviti Asas	23
1.6	Sistem Kewangan	24
1.7	Perancangan Sumber Manusia	27
1.8	Matlamat Yang Ingin Dipelajari Dalam Latihan Industri	30
1.9	Kemahiran Yang DiPelajari	32

**BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH,
CADANGAN PENYELESAIAN, ANALISIS DAN
PERBINCANGAN**

2.1	Pengenalan	35
2.2	Sistem Pemfailan	36
2.2.1	Mengesan Sistem Sedia Ada	36
2.2.2	Mengenalpasti Masalah	36
2.2.3	Rumusan Analisis Dan Perbincangan	36
2.2.4	Cadangan Penyelesaian	37
2.2.5	Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi	37
2.3	Sistem Kewangan	38

2.3.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	38
2.3.2 Mengenal pasti Masalah	38
2.3.3 Rumusan Analisis Dan Perbincangan	40
2.3.4 Cadangan Penyelesaian	40
2.3.5 Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi	42
2.4 Kekurangan Kakitangan	42
2.4.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	42
2.4.2 Mengenal pasti Masalah	43
2.4.3 Rumusan Analisis Dan Perbincangan	44
2.4.4 Cadangan Penyelesaian	44
2.4.5 Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi	46
2.5 Peralatan	46
2.5.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	46
2.5.2 Mengenal pasti Masalah	47
2.5.3 Rumusan Analisis Dan Perbincangan	48
2.5.4 Cadangan Penyelesaian	48
2.5.5 Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi	49
BAB 3 PENUTUP	50
RUJUKAN	
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

- Jadual 1 : Tarikh Penubuhan Dan Kawasan-kawasan Pentadbiran PBT.
- Jadual 2 : Perbandingan Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Tahun 2002 dan 2003.
- Jadual 3 : Caruman Bantu Kadar dan Caruman Mengurus Yang Telah Diluluskan Oleh Kerajaan Negeri Kepada Pihak Berkuasa Tempatan Pada Tahun 2002 dan Caruman Mengurus Yang Dipohon Bagi Tahun 2003.
- Jadual 4 : Caruman Bantu Kadar Yang Diberikan Oleh Kerajaan Persekutuan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan Pada Tahun 2002.

SENARAI RAJAH

- Rajah 1 : Carta Organisasi

SENARAI SINGKATAN

AKTA 171	- Akta Kerajaan Tempatan 1976
AKTA 172	- Akta Perancangan Bandar dan Desa
AKTA 133	- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
API	- Akademi Pembinaan Insan
ICT	- Information Computer Technology
JPA	- Jabatan Perkhidmatan Awam
KPSUK	- Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
KUSTEM	- Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
MDB	- Majlis Daerah Besut
MDD	- Majlis Daerah Dungun
MDM	- Majlis Daerah Marang
MDS	- Majlis Daerah Setiu
MDHT	- Majlis Daerah Hulu Terengganu
MPK	- Majlis Perbandaran Kemaman
MPKT	- Majlis Perbandaran Kuala Terengganu
MMKN	- Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
PBT	- Pihak Berkuasa Tempatan
PSUK	- Penolong Setiausaha Kerajaan
SPN	- Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Praktikum merupakan satu bentuk latihan yang wajib diambil oleh semua pelajar yang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi sama ada awam maupun swasta. Bagi pelajar yang mengikuti program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial ini latihan industri amat penting kerana merupakan satu subjek yang wajib diambil oleh setiap pelajar yang mengikuti program ini. Dalam latihan industri ini terdapat pelbagai objektif dan tujuan kursus ini dijalankan. Antaranya adalah untuk memenuhi syarat lulus bagi pelajar Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial. Tanpa mengikuti latihan industri ini, seseorang pelajar itu tidak akan memperoleh pengiktirafan seperti Diploma, Ijazah dan sebagainya.

Selain itu, latihan industri ini juga bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada alam pekerjaan supaya dapat menyesuaikan diri serta mendapat pengalaman baru. Ini adalah penting kerana untuk mempraktikkan subjek yang dipelajari oleh pelatih semasa dalam pengajian.

Penulis telah ditempatkan di Bahagian Kerajaan Tempatan iaitu yang terletak di Tingkat 8 Wisma Darul Iman dan di Jabatan Perundangan dan Pendakwaan di Majlis Perbandaran Kuala Terengganu selama 12 minggu. Dalam tempoh ini penulis sudah mempelajari kemahiran dan kecekapan dalam mengendalikan sesuatu tugas yang diberikan. Sebagai penggubal dasar yang dibuat oleh kerajaan penulis telah dapat menimba pengalaman dan pengetahuan berkenaan dengan hal-hal pentadbiran, termasuklah pengurusan, kewangan dan sebagainya.

Setiap Organisasi yang terdapat di Malaysia atau di mana-mana akan timbul beberapa masalah, begitu juga dengan Bahagian Kerajaan Tempatan. Terdapat beberapa masalah yang timbul antaranya ialah sistem pemfailan, sistem kewangan, kekurangan kakitangan, dan peralatan.

Penulis telah melihat sistem pemfailan adalah satu masalah kerana ia direkod secara manual tidak menggunakan sistem pemkomputeran. Ini akan menimbulkan masalah apabila ia hendak digunakan. Data-data tersebut akan hilang, tidak dapat dicari dan sebagainya. Manakala masalah kewangan pula timbul bukan sahaja di Bahagian Kerajaan Tempatan tetapi negeri Terengganu sendiri menghadapi masalah sebegini.

Peruntukan dari Kerajaan Terengganu merupakan salah satu dari sumber kewangan kepada Bahagian Kerajaan Tempatan. Perkara ini berlaku

apabila pemerintah telah bertukar tangan, royalti dari sumber petroleum ditarik balik, cukai-cukai tertentu telah dihapuskan seperti tol di Jambatan Sultan Mahmud dan cukai pintu rumah kediaman. Inilah yang dijanjikan oleh pemerintah sekarang kepada rakyat. Apabila sumber kewangan menjadi masalah yang utama, organisasi tidak dapat mengisi kekosongan jawatan yang ada. Ini telah menimbulkan masalah kekurangan kakitangan di organisasi ini.

Selain itu peralatan yang lama juga telah menimbulkan kepada para pekerja untuk menjalani tugas mereka. Peralatan yang digunakan adalah peralatan lama. Komputer pula adalah komputer yang lama dan banyak komputer yang rosak tidak dibaiki. Di Bahagian Perundangan dan Pendakwaan penulis hanya menjadi pembantu kepada Pegawai Undang-Undang iaitu En. Wan Marahakim B. Wan Salleh. Apabila beliau memerlukan pertolongan barulah penulis dan rakannya iaitu Chai Seng Howe ke bahagian tersebut.